



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **KEMPEN MALAYSIA MEMBACA**

---

**PUTRAJAYA**, 25 September 2025 – Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) akan menggerakkan **Kempen Malaysia Membaca sepanjang bulan Oktober 2025**, bersempena dengan penganjuran **Karnival Baca Perdana** yang akan berlangsung sepanjang bulan tersebut.

Sejak beberapa tahun lalu, PNM telah melaksanakan **Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia** bagi menilai tahap pembacaan serta tabiat membaca dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan kajian ini, data menunjukkan **peningkatan positif kadar pembacaan rakyat Malaysia** iaitu:

- 2 naskhah setahun pada 2005
- 15 naskhah setahun pada 2014
- 24 naskhah setahun pada 2023

Peningkatan ini membuktikan **keberkesanan usaha-usaha kerajaan** dan rakan strategik dalam memupuk budaya ilmu serta kecintaan terhadap bahan bacaan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata “Aspirasi utama Kerajaan MADANI melalui Kementerian ialah menjadikan Malaysia sebagai negara pembaca menjelang tahun 2030. Aspirasi ini bukan sahaja menekankan aspek jumlah bahan bacaan, malah turut **memberi tumpuan kepada pembentukan masyarakat berpengetahuan, kritis, inovatif serta berdaya saing dalam ekonomi berteraskan ilmu**. Kempen ini akan memperkukuh usaha ke arah melahirkan rakyat yang celik maklumat, bersikap terbuka dan sentiasa meningkatkan keupayaan diri melalui pembacaan”.

Sepanjang kempen ini, pelbagai program dan aktiviti akan dilaksanakan, antaranya: aktiviti interaktif di Perpustakaan Negara Malaysia, aktiviti di 506 perpustakaan desa di seluruh negara. Malah, Pesta Buku Negeri Sarawak, yang akan berlangsung pada **27 September hingga 5 Oktober 2025**, turut menjadi sebahagian daripada rangkaian aktiviti Karnival Baca Perdana.

Kementerian menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama menjayakan Kempen Malaysia Membaca ini. Jadikan amalan membaca sebagai gaya hidup harian, serta kongsikan pengalaman membaca anda di media sosial dengan tanda pagar **#MalaysiaMembaca**.

**“Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya”**

**Kementerian Perpaduan Negara**

25 September 2025

KPN.100-9/1/16 (81)